

28/09/2001

Rakyat Sarawak tolak Pas, Keadilan: Taib

rkawi; Hazalina Kasoma; Abdul Rahman Adam; Roy Nokian; Denise Tayai. KUCHING, Khamis - Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menyifatkan kegagalan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas memenangi sebarang kerusi, membuktikan rakyat negeri ini tidak menerima kehadiran mereka.

Beliau berkata, walaupun kempen Pas agak agresif dan kadang-kala kelihatan kasar, semua tiga calonnya meraih undi kurang 3,000, dengan seorang daripada mereka hilang wang pertaruhan.

"Pas jelas ditolak oleh orang Islam Sarawak. Keadilan pula hilang wang pertaruhan di 11 daripada 25 kawasan yang ditandinginya. Rakyat Sarawak tidak mahu politik cara Keadilan.

"Sebaliknya, rakyat Sarawak menunjukkan mereka lebih suka kepada politik pembangunan dan bersiap sedia menghadapi era globalisasi," katanya pada sidang akhbar di kediamannya, Demak Jaya, malam ini.

Abdul Taib berkata, kekalahan calon BN di Meluan dan Kidurong bukan kerana pengundinya menentang dasar kerajaan, sebaliknya disebabkan populariti calon parti lawan.

"Di Kidurong, umpamanya, BN kalah disebabkan populariti calon parti lawan di situ. Di kedua-dua kawasan ini, soal dasar (BN) bukan puncanya," katanya.

Beliau berkata, keputusan pilihan raya kali ini juga jelas menunjukkan bahawa orang Melayu Sarawak tidak berpecah seperti anggapan sesetengah pihak. Sebaliknya, mereka dan Bumiputera lain jelas menolak politik sumbang Pas serta Keadilan.

Mengenai kekalahan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha di Asajaya, Abdul Taib berkata: "Jika setiausaha politik saya (Abdul Karim Rahman Hamzah) menang besar...saya tidak mahu nak kata apa".

Mengenai rombakan Kabinet dan sama ada banyak muka baru akan dilantik, Ketua Menteri berkata, beliau belum memikirkan soal itu.

Abdul Taib berkata, kemenangan besar BN Sarawak juga menunjukkan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani cabaran semasa termasuk masalah ekonomi berikutan kelembapan ekonomi sejagat.

(END)